

MAHATHIR - KEMISKINAN

1984

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA) -- KEMISKINAN MUTLAK TIDAK WUJUD DI MALAYSIA SEPERTI YANG TERDAPAT DI SETENGAH-BETENGAH NEGARA MEBANGUN, KATA DATUKSERIDR MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI BERKATA KEADAAN OL MANA KELIHATAN ORANG KEBULURAN MERABA-RABA KE DALAM TONG SAMPAH UNTUK Mencari MAKANAN ATAU TERLANTAR DI KAKI LIMA TIDAK TERDAPAT DI MALAYSIA.

BERUCAP MEMBENTANGKAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (RME) DIDENAN RAKYAT BELIAU MENJELASKAN BAHAWA KEMISKINAN DI MALAYSIA ADALAH STATISTIKAL SIFATNYA IAITU SATUCARA MENCUKUR PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU BERKATA PAKAR-PAKAR LUAR NEGERI MEMBACA TENTANG TAKRIF KEMISKINAN DARIPADA APA YANG TERGAMBAR DI MATA MEREKA IAITU KESULURAN.

BAGIA MALAYSIA PARAS PENDAPATAN YANG KERAJAAN TENTUKAN SEBAGAI GARIS PEMISAH ANTARA MISKIN DAN TIDAK MISKIN DI BUAT TANPA MENGAMBIL KIRA PENGURANGAN PERBELANJAAN SARA HIDUP AKIBAT DARIPADA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN ATAU KEADAAN SETEMPAT. -- LAGI 1715/II

MAHATHIR - KEMISKINAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK BERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMBINAAN SEKOLAH DAN KLINIK UMPAMANYA MENGURANGKAN PERBELANJAAN, DEMIKIAN JUGA SUBSIDI BARANG-BARANG PERLU.

DISAMPING ITU PENDUDUK YANG TINGGAL OX TEMPAT YANG TERPENCIL TIDAK PERLU MEMBAYAR BERBAGAI CUKAI DAN MEMBUAT LAIN-LAIN PERBELANJAAN TETAPI WALAUPUN FAKTOR-FAKTOR ITU AMAT BERKESAN DARI SEGI SARA HIDUP, IA TIOAK DIAMBIL KIRA, KATANYA.

BELIAU BERKATA KADAR KEMISKINAN BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA UMPAMANYA TELAH MENINGKAT SEDIKIT IAITU DARIPADA 29 PERATUS DALAM TAHUN 1980 KEPADA 30.3 PERATUS DALAM TAHUN LALU.

KATANYA KEMEROSOTAN HARGA BARANGAN UTAMA NEGARA TELAH JUGA MEMBERI KESAN KEPADA USAHA-USAHA MEMBASMI KEMISKINAN.

BAGAIMANAPUN KATANYA ANGKA-ANGKA KEMISKINAN DALAM KAJIAN ITU TIDAK LAH BOLEH DIANGGAP SEBAGAI TEPAT. IA CUMA MENJADI PETUNJUK PENDAPATAN SAHAJA DAN TIDAK MENAJDI PETUNJUK KUASA MEMBALI. -- LAGI MAHATHIR-KEMISKINAN 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA TINDAKAN MEMBASMIAN KEMISKINAN MELALUI PEMSAYARAN SUBSIDI SARA HIDUP YANG SUDAH MENJADI AMALAN BEBERAPA NEGARA BARAT PERLU DI ELAK DI NEGARA INI.

KATANYA PEMBERIAN SUBSIDI TELAH MENYEBABKAN KEMEROSOTAN EKONOMI BEBERAPA NEGARA BARAT SEHINGGA MEREKA TIDAK LAGI DAPAT BERSAING DENGAN NEGARA LAIN YANG MAJU DAN YANG MEMBANGUN.

''SEBENARNYA APABILA SAHAJA PENDAPATAN DIJAMIN, SAMA ADA BEKERJA ATAU TIDAK, MAKA MINAT BEKERJA AKAN HILANG,'' KATANYA.

DI WAKTU EKONOMI NEGARA MEROSOT DAN PENDAPATAN KERAJAAN BERKURANG ANDI WAKTU ITULAH PENGANGGURAN DAN SUBSIDI AKAN; BERTAMBAH, TAMBAHNYA.

DATUK SERIDR MAHATHIR BERKATA DI MALAYSIA MEREKA YANG TIDAK BEKERJA AKAN MENJAOI BEBAN KEPADA KELUARGA. OLEH ITU SESEORANG ITU TIDAK AKAN MENGGANGGUR DAN MENJADI BEBAN KEPADA KELUARGA. OLEH ITU SESEORANG ITU TIDAK SUKA MENGGANGGUR DAN MENJADI BEBAN KEPADA KELUARGANYA.

-- LAGI 1815/LK

ZCZC 8669

MAHATHIR-KEM ISKINAN 4 KUALA LUMPUR

KATANYA SISTEM KEKELUARGAAN CARA MALAYSIA ATAU KELUARGA BESAR AKAN KEKAL DAN MENOLONG MENSTABILKAN MASYARAKAT DAN NEGARA.

TAMBAHNYA KERETAKAN SISTEM KELUARGA DI BARAT MEMBAWA KEPADA KERUNTUHAN AKHLAK SEHINGGA ANAK TIDAK LAGI MENGHORMATI IBUBAPA, ORANG MUDA TIDAK KENAL ORANG TUA DAN INSTITUSI PERKAHWINAN DIKETEPIKAN.

BALASAN KEPADA KERUNTUHAN AKHLAK SUOAH PUN MENIMPA DENGAN PENYAKIT-PENYAKIT BARU YANG TIDAK OPAAT DIUBATI YANG MENYERANG MASYARAKAT YANG TIDAK BERAKHLAK, KATANYA.

JIKA KITA MEMBENARKAN DIRI KITA DIPENGARUHI OLEH KONSEP NEGARA KEBAJIKAN YANG TIDAK TERHAD AKAN HANCURLAH KELUARCA SEBAGAI UNIT MASYARAKAT SERTA SISTEM AKHLAK YANG BERPUNCA DARIPADA HIDUP BERKELUARGA.

DATUK SRI OR MAHATHIR BERKATA DALAM USAHA MEMBASMI KEMISKINAN KERAJAAN AKAN BERGANTUNG LEBIH KEPADA MEMBEKAL ILMU DAN KEMAHIRAN DAN MEWUJUOKAN PELUANG DAN RANCANGAN YANG AKAN MEMBOLEHKAN RAKYAT MENDAPAT FENOAPATAN DENGAN USAHA MEREKA SENDIRI.

-- LAGI 1820/LK

MAHATHIR-KEMISKINAN 5 KUALA LUMPUR

KATANYA PROSES ITU OPAAT DILIHAT MELALUI SKIM FELDA YANG RAKYAT TIDAK BERTANAH MENJADI PENEROKA DAN ANAK-ANAK MEREKA BERPELUANG MENDAPAT PELAJARAN TINGGI.

DI SAMPING ITU DENGAN PENGELUARAN GETAH, KELAPA SAWIT DAN MINYAK NEGARA OPAAT MENAMBAH FENOAPATAN YANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENOLONG ORANG LAIN PULA YANG BELUM MENDAPAT PERTOLONGAN.

DATUK SRI OR MAHATHIR BERKATA PROSES AGIHAN KEKAYAAN TLOAK BERHENTI DENGAN USAHA ITU SAHAJA TETAPI KERAJAAN DAN PIHAK SWASTA TELAH MEMBELI BALIK BEBERAPA PERUSAHAAN YANG DIMILIKI OLEH ORANG ASING UNTUK HENENTUKAN RAKYAT MENIKMATI KEKAYAAN NEGARA.

KATANYA PERMOOALAN-MALAYSIA BERHAD ADALAH ANTARA BEBERAPA AGENSI YANG TELAH BERJAYA MEMBANA BALIK SYARIKAT-SYARIKAT GERGASI DALAM BIDANG PERLOMBONGAN, ESTET, KEWANGAN DAN LAIN-LAIN.

MELALUI AMANAH SAHAM NASIONAL PULA RAKYAT BUMIPUTERA KINI TELAH MELABUR SEJUMLAH \$985.1 JUTA DALAM 1.4 JUTA SAHAM KESEMUANYA.

KERAJAAN JUGA TELAH MEMBELANJAKAN KIRA-KIRA \$40,400 JUTA DALAM TEMPOTIGATAHUN PERTAMA RME YANG MERUPAKAN 94.4 PERATUS DARIPADA PERUNTUKAN LIMA TAHUN BAGI MENYEDIAKAN ASAS-ASAS YANG KUKUH SUPAYA SATU STRUKTUR EKONOMI YANG PROGRESIF DAN STABIL OPAAT DIWUJUDKAN.

BERNAMA -- 1825/LK